

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 ( 25 )



---

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 6 TAHUN 2023**

---

# **PENGEMASKINIAN PERATURAN KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI UNIVERSITI KERANA MENJALANKAN TUGAS-TUGAS RASMI**

**Pejabat Bendahari**

29 Mac 2023

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 ( 25 )

29 Mac 2023

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 6/2023**

### **PENGEMASKINIAN PERATURAN KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN KEPADA PEGAWAI UNIVERSITI KERANA MENJALANKAN TUGAS-TUGAS RASMI**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengenai pengemaskinian Peraturan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Kerana Menjalankan Tugas-Tugas Rasmi.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kementerian Kewangan telah mengeluarkan pindaan mengenai kadar dan syarat tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kepada pegawai perkhidmatan awam kerana menjalankan tugas rasmi (tidak termasuk tentera dan polis) melalui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 1.4.
- 2.2 Pindaan peraturan berkenaan adalah merangkumi pindaan kadar elaun lojing bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak dan WP Labuan, pindaan kelayakan kelas penerbangan ke luar negara dan pengemaskinian senarai negara-negara mengikut kategori bagi tuntutan elaun makan, pendahuluan diri sewa hotel dan elaun lojing kerana menjalankan tugas rasmi di luar negara.

- 2.3 Walau bagaimanapun, peraturan ini telah dikemaskini semula secara keseluruhan bagi memastikan amalan pelaksanaan pengurusan kewangan adalah selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa termasuk mengguna pakai pindaan peraturan WP 1.4.
- 2.4 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1/2023 pada 1 Mac 2023 telah meluluskan pengemaskinian Peraturan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Kerana Menjalankan Tugas-Tugas Rasmi.

### 3.0 PINDAAN

- 3.1 Pengemaskinian Peraturan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Kerana Menjalankan Tugas-Tugas Rasmi melibatkan beberapa pindaan seperti berikut:
- i. Kadar elaun lojing bagi Semenanjung Malaysia dan Sabah, Sarawak dan WP Labuan
  - ii. Kelayakan kelas penerbangan ke luar negara melibatkan pegawai Gred 53 hingga Utama/Khas B
  - iii. Kuasa Melulus Bayaran Sewa Hotel melebihi kadar kelayakan
  - iv. Kuasa Melulus tuntutan *late check out* hotel
  - v. Pengguguran Borang Pengesahan Penginapan Tanpa Pesanan Tempatan
  - vi. Penjelasan mengenai tafsiran Kadar Tambang Gantian yang dirujuk
  - vii. Penambahan senarai negara-negara terkini mengikut kategori bagi tuntutan elaun makan, pendahuluan diri sewa hotel dan elaun lojing kerana menjalankan tugas rasmi di luar negara
  - viii. Pindaan-pindaan yang lain adalah seperti yang termaktub dalam Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU), Lampiran 1 Bab A Governan Manual Had Kuasa Pejabat Bendahari berkaitan Pengurusan Pembayaran dan PKPU, Bab F Pembayaran, Peraturan 2.2.

- 3.2 Peraturan Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Universiti Kerana Menjalankan Tugas-Tugas Rasmi yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu:  
<https://pkpu.utm.edu.my/index.php/5-0-bahagian-pengurusan-wang-universiti-pw/bab-f-pembayaran>

#### 4.0 TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Semua PTj hendaklah memastikan Surat Pekeliling Kewangan ini dipatuhi sepenuhnya.
- 4.2 Surat Pekeliling Kewangan ini berkuatkuasa mulai 1 April 2023.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**SABARINA BINTI ABDULLAH**

Menjalankan Tugas Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MSR/PKPU2023